PANDUAN PLAGIAT PENGAJIAN SISWAZAH

SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

EDISI 2010

PERINGATAN KHAS KEPADA SEMUA PELAJAR PASCA SISWAZAH
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Semua Pelajar
Universiti Teknologi Malaysia.

Saudara/i,

PANDUAN PLAGIAT PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sukacita saya ingin menarik perhatian saudara kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa sebagai warga kampus segala tindak tanduk saudara/i sebagai pelajar adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan juga lain-lain peraturan yang telah ditetapkan oleh Universiti Teknologi Malaysia dari masa ke semasa.

2. Saudara/i adalah diingatkan untuk menghindari daripada melakukan kesalahan-kesalahan yang plagiat dalam akademik termasuk menghasilkan penulisan tesis, disertasi, laporan projek sarjana, kertas kerja, tugasan dan hasil kajian dengan meniru sebahagian atau sepenuhnya tanpa merujuk sumber rujukan yang asal dan mengakui sebagai hasil kerja sendiri.

3. Justeru, saudara/i hendaklah membaca dan memahami maksud yang terkandung dalam Panduan Plagiat dan sebarang pelanggaran tatatertib yang berkaitan dengan plagiat akan dikenakan tindakan sewajarnya mengikut peraturan yang ditetapkan.

Sekian.

PROF. DR. ROSE ALINDA ALIAS
Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi Malaysia.

Bertarikh : 30 April 2010

PANDUAN PLAGIAT PENGAJIAN SISWAZAH

1.0 PENGENALAN

1.1 Peningkatan kualiti akademik telah dikenalpasti sebagai salah satu atribut utama dalam usaha menjadikan UTM sebagai sebuah universiti bertaraf dunia. Sehubungan itu, Universiti telah pun bergerak aktif untuk meningkatkan kualiti dengan menggunakan Panduan Plagiat bagi meningkatkan kualiti program akademik yang ditawarkan. Usaha ini perlu diterajui, dipantau dan diselaraskan secara berstruktur oleh Universiti.

1.2 Proses menangani plagiat adalah tanggungjawab bersama maka diharapkan dengan terhasilnya Panduan Plagiat ini, proses tersebut akan menjadi lebih sistematik dan berhemah.

2.0 SKOP

Panduan Plagiat ini digunapakai bagi semua pengajian pasca siwazah sama ada sepenuh masa dan separuh masa program Sarjana dan ijazah Doktor Falsafah.

3.0 DEFINISI

3.1 Plagiat

Plagiat dalam akademik termasuk menghasilkan penulisan tesis, disertasi, laporan projek sarjana, kertas kerja, tugasan dan hasil kajian dengan meniru sebahagian atau sepenuhnya tanpa merujuk sumber rujukan yang asal dan mengakui sebagai hasil kerja sendiri.

3.2 Orang Kena Tuduh (OKT)

OKT ialah pelajar yang tertuduh atas sabit kesalahan yang membolehkan dia dituduh.

3.3 Tesis

Tesis ertinya suatu karya akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah Jenis Pengajian Penyelidikan.

3.4 Disertasi

Disertasi ertinya karya akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan penganugerahan ijazah bagi pengajian siswazah Jenis Kerja Kursus dan Penyelidikan.

3.5 Laporan Projek Sarjana

Laporan Projek Sarjana ertinya satu karya akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan ijazah Sarjana yang mengikuti pengajian Kerja Kursus.

3.6 Kursus

Kursus bermaksud mata pelajaran yang ditawarkan oleh Universiti dan boleh terdiri daripada satu atau lebih modul.

3.7 Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Universiti
Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Universiti (JAPSU) ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di Sekolah Pengajian Siswazah untuk menyelaras hal ehwal akademik dan peperiksaan pengajian siswazah.

3.8 Jawatankuasa Pengajian Siswazah
Jawatankuasa Pengajian Siswazah (JKPS) ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di fakulti untuk merancang dan mengawalselia program pengajian siswazah serta memperakukan keputusan peperiksaan pengajian siswazah peringkat fakulti kepada JKTS.

3.9 Jawatankuasa Tetap Senat Pengajian Siswazah
Jawatankuasa Tetap Senat Pengajian Siswazah (JKTSPS) ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat Universiti untuk membincang dan memperakukan kepada Senat tentang cadangan program baru, pindaan kurikulum, peraturan dan keputusan peperiksaan pengajian siswazah termasuk kes rayuan pelajar.

4.0 KEPERLUAN KEPADA PANDUAN PLAGIAT

Panduan Plagiat ini diperlukan untuk:

a. menyeragamkan tindakan menangani urusan plagiat yang berkaitan dengan pengajian siswazah di UTM.

b. memastikan urusan menangani plagiat dapat dilaksanakan dengan berkesan dan lancar tanpa sebarang rasa ketidakpuasan oleh pihak tertentu.

c. memberi keyakinan umum bahawa kualiti akademik dipelihara dan proses menangani plagiat dilaksanakan secara adil dan telus.

5.0 PANDUAN PLAGIAT UNTUK PELAJAR

(dipetik daripada Buku Peraturan Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (2007), muka surat 10 dan 11)

5.1 Seseorang pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain.

5.2 Bagi maksud kaedah ini, plagiarisme termasuklah:-

a. perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mendakwa bahasa idea, penulisan, data atau ciptaan itu adalah hasil dapatan ciptaannya sendiri; atau

b. suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dalam apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang adalah sebenarnya diambil daripada beberapa sumber lain.

5.3 Tanpa menjelaskan keluasan makna subkaedah (6.2), seseorang pelajar memplagiat apabila dia:-

a. menerbitkan, dengan dirinya sebagai pengarang, suatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku yang adalah keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh beberapa orang lain;

b. menggambungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik atau buku, apabila dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis kepada ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku;

c. memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik bersama bagi sesuatu projek penyelidikan tertentu atau dalam senarai penyelidik bersama bagi penerbitan apabila dia tidak membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya sebagai penyelidik bersama atau pengarang bersama;

d. memetik data akademik yang adalah hasil penyelidikan yang dijalankan oleh beberapa orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan, atau data yang diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan, sama ada diterbitkan atau tidak diterbitkan, dan menggabungkan data tersebut sebagai sebahagian daripada penyelidikan, akademiknya tanpa memberi pengiktirafan sewajarnya kepada sumber asal;

e. menggunakan data penyelidikan yang diperoleh melalui kerja usaha sama dengan beberapa orang lain, sama ada atau tidak orang lain itu anggota kakitangan atau pelajar Universiti sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademik yang berbeza yang lain, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperolehi keizinan penyelidik bersamanya sebelum memulakan penyelidikan peribadinya atau sebelum menerbitkan data;

f. menyalin idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa juga bentuk, sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa-apa jua bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia ialah pencipta idea atau ciptaan itu;

g. menterjemahkan tulisan atau ciptaan orang lain daripada satu bahasa kepada bahasa lain sama ada atau tidak secara keseluruhan atau sebahagian, dan kemudian mengemukakan terjemahan itu dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai penulisannya atau ciptaannya sendiri; atau

h. memetik idea daripada penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat beberapa ubahsuaian tanpa rujukan sewajarnya kepada sumber asal dan menyusun idea itu semula dalam apa-apa cara yang seolah-olah dia ialah pencipta idea-idea itu.

6.0 TINDAKAN TATATERTIB

(dipetik daripada Peraturan Akademik Pengajian Siswazah (2010) dan Buku Peraturan Pelajar UTM (2007).

6.1 Pelajar yang melakukan kesalahan plagiat akan dikenakan hukuman yang ditetapkan di peringkat Jawatankuasa Akademik Fakulti.

6.2 Seseorang pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib berkaitan plagiat dan didapati bersalah atas kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai yang berikut :-

a. amaran;

b. denda tidak melebihi dua ratus ringgit;

c. dilarang daripada terlibat dalam aktiviti di mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;

d. digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;

e. dipecat dari Universiti.

6.3 Maklumat lanjut tentang larangan terhadap plagiarisme boleh dirujuk pada Buku Peraturan Pelajar UTM (2007) dan Warta Kerajaan 1999.

7.0 PROSES TINDAKAN TATATERTIB

7.1 Peranan dan tanggungjawab dalam menangani masalah plagiat adalah berbeza mengikut jawatan kuasa dan unit.

7.2 Bagi memastikan pelajar telah mengetahui tindakan yang bakal diterima jika terlibat dengan plagiat, semua pelajar akan menandatangi Perjanjian Plagirisme yang dikemukakan pada hari pendaftaran pelajar. (Sila Rujuk Lampiran B – Borang Perjanjian Plagirisme). Borang ini akan mula ditandatangani oleh pelajar bagi kemasukan semester 1 sesi 2010/2011.

7.3 Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Fakulti (JKPSF) yang dipengerusikan oleh Dekan fakulti bertanggungjawab menerima laporan bersabit plagiat daripada pelapor beserta bukti pertuduhan.

7.4 Setelah mesyuarat JKPSF diadakan di peringkat fakulti, jika pertuduhan mempunyai bukti yang kukuh, maka satu laporan bertulis perlu dikemukakan oleh JKPSF untuk diperakukan oleh JAPSU bagi tujuan perbicaraan lanjut yang akan dikendalikan oleh JKPSF dengan kehadiran OKT.

7.5 Setelah diperakukan oleh JAPSU, JKPSF perlu mengadakan perbicaraan kes dengan dipengerusikan oleh pengerusi JKPSF dan dihadiri oleh ahli JKPSF yang dilantik khas.

7.6 Keputusan perbicaraan perlu dikemukakan oleh JKPSF ke SPS bagi tujuan diperakukan oleh mesyuarat JKTS.

7.7 Tatacara tatatertib bagi kes plagiat adalah mengikut Tatacara Tatatertib yang tercatat dalam Buku Peraturan Pelajar UTM (Bahagian V, ms 20 hinnga 25).

7.8 Proses perlaksanaan perbicaraan tatatertib plagiat adalah mengikut proses kerja mengguruskan hal-hal yang berkaitan dengan perbicaraan tatatertib di UTM (Sila Rujuk Lampiran A).

8.0 DOKUMEN BERKAITAN

Dokumen berikut adalah berkaitan dengan Panduan Plagiat Pengajian Siswazah:

i. Warta Kerajaan 1999
ii. Buku Peraturan Pelajar UTM (2007)
iii. Peraturan Akademik Pengajian Siswazah (Edisi 2010)
iv. Buku Panduan Pengajian Siswazah Fakulti
v. Panduan Menulis Tesis
vi. Garis Panduan Projek Sarjana
vii. Lain-lain dokumen yang berkaitan terbitan Fakulti/Unit berkenaan

Disediakan oleh : Sekolah Pengajian Siswazah

Disokong oleh : Timbalan Naib Canselor (Akademik & Pengantarabangsaan)

Disahkan oleh : Senat Universiti Teknologi Malaysia

Tarikh di sahkan: 30 April 2010

LAMPIRAN A: MENGURUSKAN HAL-HAL YANG BERKAITAN DENGAN PERBICARAAN TATATERTIB

A. Sebelum perbicaraan Tatatertib pelajar

Nota 1 :

-Unit Keselamatan
-Fakulti
-Orang awam
-Staf UTM

B. Semasa perbicaraan
Tatatertib pelajar



C. Selepas perbicaraan
Tatatertib pelajar